

Teks Ucapan

**YB Datuk Haji Hajiji Haji Noor,
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah
sempena Majlis Penyerahan Cek Program Pembasmian Kemiskinan Bandar
di Dewan Masyarakat Tawau
pada 22 Mei 2008 jam 2.00 petang**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera;

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berhormat
Datuk Hj Taufik Hj Abu Bakar Titingan,
Pembantu Menteri Kewangan merangkap ADUN Apas

Yang Berhormat
Datuk Dr Chua Soon Bui, Ahli Parlimen Tawau;

Yang Berhormat
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Hj Salleh,
Ahli Parlimen Kalabakan,

Yang Berhormat, Datuk Syed Abas Syed Ali,
ADUN Balung;

Yang Berhormat
Datuk Hjh. Hamisah Samad, ADUN Tanjung Batu;

Yang Berhormat
Encik Pang Yuk Ming, ADUN Merotai;

Yang Berhormat
Encik Muis Hj Picho, ADUN Sebatik;

Yang Bhg. Tuan Hj Salsidu Hj Ibrahim,
Presiden Majlis Perbandaran Tawau;

Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Tawau,

Pegawai-Pegawai Kanan,
Majlis Perbandaran Tawau;

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;

Datuk-Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama di dalam dewan ini bagi menghadiri Majlis Penyerahan Cek dibawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Tawau diatas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi dijemput untuk menyempurnakan penyerahan cek pada hari ini.

Saya dimaklumkan bahawa hari ini merupakan program kedua bagi Majlis Perbandaran Tawau dalam melaksanakan penyerahan cek kepada keluarga miskin yang layak dibawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dimana sejumlah RM631,583.00 telah diperuntukkan untuk agihan Bantuan Sewa Rumah, Bantuan Kemasukan Ke Sekolah dan Bantuan Kos Pengangkutan Kanak-Kanak Ke sekolah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Rakyat Malaysia khususnya Sabah amat bertuah sekali kerana sejak kemerdekaan, dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara dan peningkatan kualiti hidup rakyat. Ini adalah berkat usaha gigih kerajaan dengan sokongan padu semua lapisan rakyat jelata.

Kualiti hidup rakyat hari ini telah jauh bertambah baik berbanding dengan 1963 iaitu apabila Malaysia dibentuk. Pendapatan per kapita telah meningkat berkali-kali ganda. Waktu itu, lebih separuh rakyat di Negara ini hidup dalam kedaifan dan kemiskinan. Pada tahun 2007, kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan dibawah 3.6%.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Strategi pembasmian kemiskinan dulu dan sekarang mempunyai sedikit perbezaan. Jika dahulu tumpuan lebih diberikan kepada pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan memenuhi keperluan asas untuk hidup, tapi kini penekanan adalah lebih kepada pembasmian kemiskinan.

Selaras dengan ini, sejumlah RM214 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk tujuan pembasmian kemiskinan. Pelbagai langkah telah diambil untuk mengatasi kemiskinan bandar, termasuk pembinaan rumah kos rendah dengan bilangan yang mencukupi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kerajaan Barisan Nasional memang merupakan sebuah kerajaan yang perihatin dan yang sentiasa mengambil berat masalah rakyat, termasuklah soal kemiskinan dan taraf hidup terutama sekali bagi mereka yang berada di luar bandar.

Disamping mendokong dasar Kerajaan Persekutuan dalam usaha pembasmian kemiskinan, Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga mempunyai strateginya sendiri ke arah ini. Bahkan seluruh Kabinet Negeri dibawah pimpinan YAB Ketua Menteri turut memainkan peranan untuk memastikan agar rakyat terutama sekali yang berada di luar bandar akan turut dibela nasib mereka. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional Malaysia amnya dan Sabah khasnya bukan merupakan sebuah kerajaan yang hanya tahu cakap sahaja, tetapi juga tahu bikin kerja. Kita bukan sekadar omong-omong kosong seperti pembangkang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sungguhpun usaha kerajaan ditumpu ke penduduk berpendapatan rendah di kawasan luar bandar, ini tidaklah bererti mereka yang duduk di Bandar diketepikan. Sebab itu, kita mempunyai Program Pembasmian Kemiskinan Bandar seperti yang kita saksikan pada hari ini. Kepada para penerima bantuan ini, saya merayu agar tidak menyalahgunakan bantuan mereka.

Selain program-program seperti ini, Kerajaan BN juga mempunyai pendekatan lain untuk membantu rakyat seperti membina rumah-rumah murah atau mampumilik samada untuk tujuan disewa atau dijual kepada mereka yang layak. Esok, saya akan menghadiri Majlis Penyerahan Kunci Rumah kepada pemohon-pemohon yang berjaya bagi Taman Semarak, Tawau Fasa A3.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Presiden Majlis Perbandaran Tawau kerana kesudian beliau menjemput saya ke Majlis pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Walaupun banyak kejayaan telah dicapai dari sudut penurunan kadar kemiskinan, namun apa yang lebih penting dan mencabar bagi kita pada hari ini ialah untuk “reach out” kepada kumpulan sasar yang insidennya walaupun kini sedikit tetapi berselerakan di seluruh negara, terutamanya di Sabah. Ini menjadikan kos penyampaian bantuan lebih tinggi dan mencabar.

Semua pihak yang terlibat perlu mengenalpasti dan memantau semua elemen penting serta berusaha untuk menghapuskan kelemahan yang mungkin wujud dalam penyampaian bantuan. Melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan dan NGO, saya percaya semua yang bertanggungjawab akan sentiasa bersiap sedia, mengenalpasti kelemahan yang ada, menganalisis alternatif-alternatif yang sesuai dan seterusnya meningkatkan keupayaan untuk mengesan dan memberi maklum balas dan input kepada keberkesanan projek bantuan mengikut acuan dan keperluan kumpulan sasar setempat.

Oleh itu, saya berharap agar pihak-pihak yang terlibat akan sentiasa bekerjasama bagi merangka projek-projek tertentu mengikut keperluan kumpulan sasar dan sentiasa memantau pelaksanaannya bagi menjamin sustainability dan kejayaan bantuan.

YB Datuk-Datuk/Tuan-Tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

Sesungguhnya adalah diharapkan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di bawah RMKe-9 (2006-2010) ini akan terus memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia berdasarkan pendekatan latihan dan pendidikan, perumahan, ekonomi dari aspek penjana pendapatan dan bantuan-bantuan sosial lainnya. Semoga menjelang tahun 2010 nanti, sasaran kerajaan membasmi kemiskinan bandar akan tercapai dan matlamat mensifarkan kemiskinan tegar akan diperolehi.

Sehubungan dengan itu, saya amatlah berharap tuan/puan yang menerima bantuan pada hari ini dapat menggunakan peluang ini sebaik-baiknya kerana bantuan ini tidaklah berterusan sepertimana yang dinyatakan oleh Presiden tadi.

YB Datuk-Datuk/Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Semoga dengan pemberian bantuan ini akan dapat membantu tuan/puan untuk melaksanakan pembayaran sewa rumah, menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak dan juga membayar pengangkutan anak-anak ke sekolah supaya mereka dapat terus menikmati program pendidikan yang setara.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Presiden, Majlis Perbandaran Tawau kerana kesudian beliau menjemput saya ke Majlis pada hari ini.

Disini juga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah berusaha dengan gigih bagi menjayakan majlis hari ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.